



RUMAH ditenggelami air  
di Bandar Puncak Alam.

# 200 pindah bah di Puncak Alam

**Puncak Alam:** Tidak sampai empat bulan dilanda banjir pada Ogos lalu, penduduk Bandar Puncak Alam dekat sini sekali lagi dikejutkan dengan kejadian sama petang semalam menyebabkan lebih 200 mangsa dipindahkan.

Kejadian jam 8 malam itu menyebabkan mangsa terjejas dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Surau Taufiqiyah, Sinar Alam, di sini.

Pengerusi Persatuan Penduduk Puncak Alam Mohd Hanif Md Sultan berkata, banjir semalam kali kedua berlaku tidak sampai empat bulan kejadian sama pada 11 Ogos lalu.

Menurutnya, 300 kedia-

man terbabit dalam kejadian itu membabitkan lebih 200 mangsa.

Katanya, pusat operasi dibuka mulai semalam untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa yang terbabit.

"Hujan lebat dua jam dari jam 6 hingga 8 malam menyebabkan paras air di kawasan ini naik mendadak hingga menyebabkan banjir.

"Ketika ini (malam tadi) urusan pemindahan sedang dilakukan," katanya ketika dihubungi malam tadi.

Mohd Hanif berkata, paras air kali ini dilaporkan antara satu ke 1.5 meter menyebabkan pelbagai barangan rosak seperti perabot dan kenderaan.



PENDUDUK meredah  
banjir di kawasan rumah.